

## Ucapan Aluan

**Yang Berbahagia  
Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif,  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

**Sempena  
Majlis Perasmian myBIM Centre**

**myBIM Centre, Aras 11, Sunway Putra Tower  
20 November 2017 (Isnin)**

---

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Pelancaran *myBIM Centre* pada hari ini. Majlis ini lebih bermakna dengan kehadiran **Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya**, yang sudi meluangkan masa untuk melancarkan *myBIM Centre* ini. Ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri yang tidak putus memberi sokongan kepada program-program pembangunan industri pembinaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Kita sedia maklum bahawa Building Information Modelling atau BIM merupakan sebuah model digital 3D sesuatu bangunan atau struktur yang mengandungi berbagai maklumat geometri dan parameter yang dihasilkan melalui beberapa perisian. Model BIM boleh digunakan untuk melihat kitaran hidup sesebuah struktur yang akan dibina daripada peringkat perancangan sehinggalah penyelenggaraannya apabila siap kelak. Melalui BIM, kuantiti dan kualiti bahan dapat ditentu sah dan skop kerja semua pihak yang terlibat dengan projek pembinaan itu dapat dibahagikan dan dipantau dengan mudah. Apa yang saya sebutkan di sini hanyalah sedikit sahaja daripada fungsi-fungsi serta kelebihan

BIM yang begitu banyak.

3. Oleh yang demikian, Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP), melihat penggunaan BIM di dalam projek-projek pembinaan sebagai salah satu inisiatif penting untuk meningkatkan kadar produktiviti sektor ini secara keseluruhannya. Bagi memastikan industri pembinaan cukup bersedia untuk menggunakan BIM di dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan mereka, CIDB telah menubuhkan *myBIM Centre* ini sebagai pusat sehati BIM di Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. *MyBIM Centre* ini akan menjadi pusat melaksanakan program-program latihan dan akreditasi kemahiran berkaitan BIM dan ia dibina lengkap dengan fasiliti, peralatan dan perisian yang diperlukan untuk tujuan ini.
5. Bilik seminar di *myBIM* ini dilengkapi dengan sistem audio-visual yang lengkap seperti mikrofon berdiri dan tanpa wayar, projektor LCD 4K, kamera video, dua skrin LCD besar dan sistem pengurusan bunyi atau audio.
6. Selain daripada itu, CIDB juga menyediakan MyBIM Studio untuk kegunaan industri secara sewaan harian. Ia dilengkapi dengan stesen kerja BIM yang boleh memuatkan 22 orang, empat skrin besar LCD, sistem PA dan stesen percetakan 3D. MyBIM studio ini merupakan tempat yang *ideal* untuk penggiat industri menggunakan kemudahan BIM terkini tanpa perlu mengeluarkan model yang banyak. Ia kini telahpun dibuka untuk sewaan kepada mana-mana syarikat atau organisasi yang memerlukannya.
7. Di samping itu, kemudahan MyBIM Lab turut ditawarkan dengan kelengkapan bilik latihan dengan Panel *Touchscreen* sebesar 80 inci, 20 workstation yang dilengkapi dengan dua skrin 24 inci untuk setiap *workstation*.
8. Kesemua perisian dan peralatan BIM di pusat sehati ini ditawarkan kepada industri secara sewaan harian supaya penggiat industri dapat memanfaatkan teknologi BIM tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi.
9. CIDB juga telah memperkenalkan National BIM Library yang menyediakan

berbagai objek BIM yang boleh dimuat turun secara percuma untuk membina sebarang struktur BIM. Ia boleh dicapai melalui [mybim-library.com.my](http://mybim-library.com.my). Di samping itu, sebuah "BIM Guide" juga telah diterbitkan sebagai garis panduan penggunaan BIM. BIM Guide ini boleh dimuat turun secara percuma melalui portal MyBIM di [www.mybimcentre.com.my](http://www.mybimcentre.com.my).

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Kajian CIDB yang diterbitkan di dalam National Building Information Modelling Report 2016 menunjukkan kadar penggunaan BIM di Malaysia masih rendah iaitu 17 peratus. Namun jumlah projek pembinaan yang menggunakan BIM di negara kita kini kian bertambah. Antara kejayaan penggunaan BIM terbaru adalah pembinaan Educity Sports Complex di Nusajaya, Johor dan Ancasa Hotel di Pekan, Pahang.

11. Para pemimpin industri seperti Sunway, Brunfield, IJM Land dan KWASA Land juga telahpun menggunakan BIM di dalam projek-projek mereka. Saya yakin penubuhan myBIM Centre ini akan memberi peluang kepada lebih ramai lagi penggiat industri, terutama daripada syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk memanfaatkan BIM di dalam projek pembinaan mereka. Secara tidak langsung ia akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti industri pembinaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadilah Bin Haji Yusof atas kehadiran beliau pada** hari ini. Tidak lupa juga ucapan ribuan penghargaan saya kepada semua rakan industri yang turut menjayakan pelbagai inisiatif dan promosi BIM bersama dengan CIDB. Usahasama serta komitmen semua pihak dalam meningkatkan penggunaan BIM di dalam negara kita ini adalah selaras dengan tagline CITA "Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan".

13. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayahh wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.